



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

14 JANUARI 2025 (SELASA)

DVS Sita Kereta, Guni Suspek Buang Kucing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Kajang	28	14 Jan

DVS sita kereta, guni suspek buang kucing

Turut rakam percakapan individu berkenaan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KAJANG

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor menyita kereta Nissan Sentra, beberapa guni dan sangkar disyaki digunakan sekumpulan individu bagi mengangkat kucing sebelum dibuang.

DVS dalam satu kenyataan menjelaskan, individu terbabit dalam perbuatan seperti yang tular di media sosial turut dirakam percakapan.

"DVS mengesahkan video berdurasi 37 saat yang tular di pelbagai platform media sosial sejak Sabtu memaparkan sekumpulan orang awam meletakkan beberapa ekor kucing di dalam guni dan memasukkannya ke dalam but kereta jenis sedan."

"Bertindak atas maklumat, sepasukan Pegawai Kebajikan Haiwan Negeri Selangor bergegas ke lokasi aduan untuk menjalankan pemeriksaan," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan awal mendapati kejadian berlaku antara



jam 9 pagi dan 3 petang Sabtu.

"Ia membabitkan penduduk di sekitar lokasi aduan yang terlibat dalam program gotong-royong anjuran bersama pihak pengurusan bangunan (JMB) perumahan berkenaan.

"Pasukan menyita kereta Nissan Sentra, beberapa unit guni dan sangkar yang dipercaya digunakan untuk mengangkat beberapa ekor kucing untuk siasatan lanjut," katanya.

Ujarnya, keterangan suspek terbabit diambil mengikut Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593).

"Kes disiasat mengikut Subseksyen 29(1) Akta Kebajikan



Sekumpulan individu didakwa menangkap beberapa ekor kucing dan memasukkannya ke dalam guni dipercaya untuk dibuang ke tempat lain pada Sabtu.

Haiwan 2015 [Akta 772] dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya negeri Selangor setelah siasatan dilengkapkan," katanya.

Pada Ahad, *Sinar Harian* melaporkan, polis menerima dua laporan berhubung penganiayaan beberapa kucing yang didakwa disumbat dalam guni dan dibuang di sebuah kawasan pangsapuri Batu 9, Cheras di sini.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof dilaporkan berkata, salah satu laporan adalah daripada wakil kumpulan individu terbabit yang menafikan menganiaya dan mendera haiwan itu.

Gotong-Royong Turns Into Animal Cruelty Storm

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Views	13	14 Jan



Viral video: A screencap showing a group of men putting cats into sacks at an apartment in Cheras recently.

Gotong-royong turns into animal cruelty storm

KAJANG: In what was supposed to be a gotong-royong to clean up the surroundings of an apartment block in Cheras, even cats were rounded up into gunny sacks and disposed of.

A viral video of the incident caught the eye of veterinary officers, who went over and seized several cages and sacks from a unit in the block at Batu 9 on Sunday.

A vehicle parked below was also seized.

The Selangor Veterinary Department said a team was dispatched to the scene on Sunday based on the clip showing a group of men rounding up cats and disposing of them.

It said checks revealed that the incident occurred between 9am and 3pm on Saturday during a gotong-royong organised by the apartment's joint management body.

It said statements were also recorded from several persons believed to have been involved in the incident.

An investigation is being conducted under Subsection 29(1) of the Animal Welfare Act 2015.

"The investigation paper will be referred to the Selangor Prosecution Unit once the probe is completed," it said.

A representative of the group caught on camera denied allegations of animal abuse.

The group has also lodged a police report.

Buang Kucing Di Pangsapuri: Veterinar Sita Kereta, Guni Dan Sangkar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	13 Jan



Tangkap layar sekumpulan individu memasukkan beberapa kucing ke dalam guni dan dibuang di sebuah pangsapuri di Batu 9, Cheras, kelmarin.

KUALA LUMPUR – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor bertindak menyita sebuah kereta, beberapa guni dan sangkar yang dipercayai digunakan bagi mengangkut kucing sebelum dibuang di kawasan pangsapuri di Batu 9, Cheras baru-baru ini.

Pada masa sama, DVS telah mengambil beberapa keterangan suspek yang terlibat dalam kes terbabit mengikut Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

“DVS telah mengesahkan video

tular berdurasi 37 saat di pelbagai platform media sosial sejak kelmarin memaparkan sekumpulan orang awam meletakkan beberapa ekor kucing di dalam guni dan memasukkannya ke dalam but kereta jenis sedan Nissan Sentra di sekitar daerah Kajang.

“Bertindak atas maklumat, sepasukan Pegawai Kebajikan Haiwan Negeri Selangor telah bergegas ke lokasi aduan untuk menjalankan pemeriksaan aduan itu semalam.

“Pemeriksaan awal pasukan mendapati, kejadian dilaporkan berlaku antara pukul 9 pagi sehingga 3 petang kelmarin melibatkan penduduk di sekitar lokasi aduan dalam program gotong-royong anjuran bersama pihak pengurusan bangunan (JMB) perumahan berkenaan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah DVS, kes itu akan disiasat dibawah Subseksyen 29(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya negeri Selangor setelah siasatan dilengkapkan.

Semalam, Malaysia Gazette melaporkan, polis sedang menjalankan siasatan berkaitan penganiayaan beberapa kucing didakwa dimasukkan ke dalam guni dan dibuang di sebuah pangaspuri di Batu 9, Cheras kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof melaporkan, pihaknya telah menerima dua laporan berkaitan perkara itu sekitar jam 10.58 malam pada 11 Januari dan semalam. —

MALAYSIAGAZETTE

Buang Kucing: DVS Sita Kereta Dan Guni, Rakam Keterangan Individu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	13 Jan



Tindakan sekumpulan individu di kawasan pangaspuri Batu 9, Cheras yang didakwa menangkap beberapa ekor kucing dan memasukkannya ke dalam guni dipercayai untuk dibuang pada Sabtu.

KAJANG - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor telah menyatakan kereta Nissan Sentra, beberapa guni dan sangkar disyaki digunakan sekumpulan individu bagi mengangkut kucing sebelum dibuang.

Menurut kenyataan DVS, individu yang terbabit dalam perbuatan seperti tular di media sosial turut dirakam percakapan.

"DVS mengesahkan video berdurasi 37 saat yang tular di pelbagai platform media

sosial sejak Sabtu memaparkan sekumpulan orang awam meletakkan beberapa ekor kucing di dalam guni dan memasukkannya ke dalam but kereta jenis sedan.

"Bertindak atas maklumat itu, sepasukan Pegawai Kebajikan Haiwan Negeri Selangor bergegas ke lokasi aduan untuk menjalankan pemeriksaan," katanya.

Menurut kenyataan itu, pemeriksaan awal pasukan mendapati kejadian dilaporkan berlaku antara

jam 9 pagi sehingga 3 petang Sabtu.

"Ia membabitkan penduduk di sekitar lokasi aduan, yang terlibat dalam program gotong-royong anjuran bersama pihak pengurusan bangunan (JMB) perumahan berkenaan.

"Hasil pemeriksaan itu, pasukan menyita kereta Nissan Sentra, beberapa unit guni dan sangkar yang dipercayai digunakan untuk mengangkut beberapa ekor kucing untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurutnya, keterangan beberapa suspek terbabit kes diambil mengikut Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

"Kes itu disiasat mengikut Subseksyen 29(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya negeri Selangor setelah siasatan dilengkapkan," katanya.

Pada Ahad, Sinar Harian melaporkan polis menerima dua laporan berhubung penganiayaan beberapa kucing yang didakwa disumbat dalam guni dan dibuang di sebuah kawasan pangsapuri Batu 9, Cheras, di sini.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof dilaporkan berkata, salah satu laporan adalah daripada wakil kumpulan individu terbabit menafikan menganiaya dan mendera haiwan berkenaan.- **SINARHARIAN**

Kes Buang Kucing: DVS Ambil Keterangan Suspek, Sita Kereta, Guni

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Online	13 Jan



Video tular memaparkan sekumpulan individu memasukkan guni berisi kucing ke dalam but kereta.
(Gambar Facebook)

PETALING JAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor menyata sebuah kereta, beberapa guni dan sangkar dipercayai digunakan untuk mengangkut kucing sebelum dibuang di sebuah pangaspuri Batu 9 Cheras, Kajang.

DVS berkata, pihaknya mengesan video 37 saat tular di media sosial sejak kelmarin memaparkan sekumpulan individu memasukkan beberapa ekor kucing ke dalam guni dan but kereta.

Bertindak atas maklumat itu, katanya, sepasukan pegawai kebajikan haiwan Selangor bergegas ke lokasi aduan untuk menjalankan pemeriksaan.

“Pemeriksaan awal mendapati kejadian dilaporkan berlaku antara 9 pagi sehingga 3 petang kelmarin membabitkan penduduk di sekitar lokasi aduan yang dalam program gotong-royong anjuran bersama pihak pengurusan bangunan (JMB) perumahan berkenaan,” katanya menurut Harian Metro.

Beliau berkata, sebuah Nissan Sentra, beberapa guni dan sangkar dipercayai digunakan untuk mengangkut kucing disita untuk siasatan mengikut Subseksyen 29(1) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Katanya, keterangan beberapa suspek turut diambil mengikut Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah.

Semalam, Ketua Polis Kajang, Naazron Abdul Yusof dilaporkan berkata, polis menerima dua laporan mendakwa beberapa kucing disumbat dalam guni dan dibuang di sebuah pangsapuri di Batu 9 Cheras.

Beliau berkata, satu daripada laporan itu dibuat ahli jawatankuasa persatuan penduduk pangsapuri dirakam dalam video tular berkenaan, di mana mereka menafikan menganiaya dan mendera kucing terbabit.-

FMT

Suspek Letak Kucing Dalam Guni Telah Diambil Keterangan - DVS Selangor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	13 Jan



Tular di media sosial video berdurasi 37 saat memaparkan sekumpulan lelaki menangkap beberapa ekor kucing di kawasan sebuah pangaspuri di Batu 9 Cheras.

KUALA LUMPUR: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor telah mengambil keterangan beberapa individu disyaki terlibat dalam memasukkan sebilangan ekor kucing yang masih hidup ke dalam guni di kawasan sebuah pangaspuri di Batu 9 Cheras, Kajang.

Pemeriksaan awal mendapati kejadian melibatkan penduduk di sekitar lokasi aduan dalam program gotong-royong yang dianjurkan bersama pihak pengurusan bangunan (JMB) penduduk perumahan

berkenaan, antara jam 9 pagi hingga 3 petang, pada Sabtu lepas.

Menurut DVS Selangor, keterangan suspek diambil berdasarkan Seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah Akta 593 dan kes disiasat di bawah Subseksyen 29 (1) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].

"Pasukan DVS Selangor turut menyita sebuah kenderaan jenis sedan Nissan Sentra, beberapa unit guni dan sangkar yang dipercayai digunakan untuk

mengangkut beberapa ekor kucing seperti mana di dalam paparan video tular.

"Kertas siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya Negeri Selangor setelah siasatan dilengkapkan untuk mendapatkan arahan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan, pada Isnin.

Pada Ahad, tular di media sosial video berdurasi 37 saat memaparkan sekumpulan lelaki menangkap beberapa ekor kucing di kawasan sebuah pangsapuri di Batu 9 Cheras, dekat Kajang sebelum haiwan itu dimasukkan ke dalam guni.

Video itu turut memaparkan guni berisi kucing yang ditangkap itu kemudiannya dimuatkan ke dalam kereta dipercayai untuk dibuang di lokasi lain.

Sehubungan itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Naazron Abdul Yusof, mengesahkan menerima maklumat mengenai video tular itu, dengan dua laporan polis turut diterima pihaknya berkaitan kejadian terbabit.-
ASTROAWANI

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR